

# Tindakan padam mural untuk selaraskan standard - DBKL

**KUALA LUMPUR** - Tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memadam lukisan mural di beberapa hentian bas dan kios mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat.

Menurut kenyataan dikeluarkan DBKL, langkah itu diambil sebagai sebahagian usaha mengindahkan 21 hentian bas dan kios menjelang Mesyuarat Kepengerusian ASEAN 2025.

“Setakat ini sebanyak 18 hentian bas diselenggara dengan kerja mengecat dan membaik pulih bagi meningkatkan keselesaan pengguna.

“Semua hentian bas dan kios dicat dengan warna kelabu gelap selaras dengan standard DBKL,” menurut kenyataan itu pada Rabu.

Mengulas lanjut, DBKL turut menjelaskan mural dilukis tanpa kebenaran rasmi menyebabkan pihaknya terpaksa memadam lukisan tersebut mengikut prosedur penyelenggaraan ditetapkan.